

SIARAN MEDIA

LAWATAN YB MENTERI NRECC KE PROJEK PEMBANGUNAN LEMBANGAN SUNGAI BERSEPADU (PLSB) SUNGAI KELANTAN

Bagi menyelesaikan masalah banjir di kawasan Lembangan Sungai Kelantan, sejumlah RM1.75 bilion diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Kelantan Fasa 1 dan Fasa 2.

PLSB Sungai Kelantan Fasa 1 yang bermula sejak 2018 itu, melibatkan peruntukan sejumlah RM699 juta dan PLSB Sungai Kelantan Fasa 2 berjumlah RM1.06 bilion.

Projek Fasa 1 yang dijangka siap pada 17 Oktober ini akan diteruskan dengan pelaksanaan PLSB Fasa 2 pada September 2023 dan dijangka siap pada 2028.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YB Nik Nazmi Nik Ahmad, membuat lawatan kerja ke Projek Pembangunan Lembangan Bersepadu (PLSB) Sungai Kelantan, hari ini.

Menurutnya, melalui pelaksanaan PLSB Fasa 1 dan 2, seluas 63,000 hektar kawasan banjir melibatkan 130,700 orang penduduk terjejas banjir terutamanya di lembangan Sungai Kelantan melibatkan kawasan Kota Bharu dan Tumpat akan dilindungi daripada risiko banjir.

Skop projek meliputi komponen tebatan banjir, sungai, saliran mesra alam dan *National Water Balance System* (NAWABS).

Ia turut memberi fokus kepada penyediaan infrastruktur tebatan banjir, sistem saliran berkonsepkan mesra alam, meningkatkan kapasiti dan kecekapan saluran sungai bagi mengurangkan impak banjir serta menjalankan kajian dan pembangunan sumber air negara.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
(NRECC)**
17 JUN 2023